

Headline	13 peserta sertai bengkel OSS Animasi 3D di UUM		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	v11	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	408 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,760
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,280



# 13 peserta sertai bengkel OSS Animasi 3D di UUM

Oleh Azmi Md Deros

bhvarsiti@bharian.com.my

**S**INTOK: Seramai 13 peserta daripada beberapa universiti tempatan dan asing menyertai Bengkel Perisian Sumber Terbuka (OSS) Animasi 3D anjuran Pusat Kecemerlangan Asia Pasifik Dalam Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Luar Bandar Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (ITU-UUM), di sini, baru-baru ini.

Selain Malaysia, antara negara yang menghantar penyertaan termasuk Thailand, Kemboja, Vietnam, Bangladesh dan Yaman. Ia menjadi platform amat berguna bagi pertukaran maklumat, idea serta pengalaman dalam mempromosikan penggunaan OSS.

Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata bengkel berkenaan bertujuan membantu meningkatkan pengetahuan penggunaan OSS antara pelajar tahun akhir universiti, sekali gus mewujudkan nilai tambah, kebolehpasaran dan daya keusahawanan graduan.

"Sepanjang bengkel dua minggu ini peserta didedahkan dengan pelbagai pengetahuan dan pengalaman mengenai teknik penggunaan perisian komputer yang menyediakan ilusi pergerakan menggunakan satu urutan imej pegun.

"UUM berharap agar ilmu yang berguna ini dapat dimanfaatkan peserta dengan berkongsi dan menyebarkan pengetahuan di negara masing-masing memandangkan kos perisian amatlah tinggi. Kita bertuah kerana penganjuran bengkel ini mendapat dana tajaan kerajaan

Jepun," katanya ketika menutup bengkel berkenaan di UUM Sintok, Kedah, baru-baru ini.

Bengkel itu anjuran bersama Sekretariat ICT ASEAN; Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan serta Kolej Sastera dan Sains (UUM CAS).

Sementara itu, Pengarah ITU-UUM, Prof Madya Dr Wan Rozaini

Headline	13 peserta sertai bengkel OSS Animasi 3D di UUM		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	v11	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	408 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,760
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,280

Sheik Osman, berkata ia adalah penghormatan besar bagi pusat berkenaan kerana diberi peluang menganjurkan bengkel OSS Animasi 3D yang turut disertai pelajar dari rantau Asia Pasifik.

"Penggunaan OSS dalam animasi 3D ialah sebahagian daripada keperluan dunia teknologi maklumat (IT) masa kini yang dapat membantu mengurangkan kos pembelian perisian sama ada untuk kegunaan sendiri, pendidikan atau keperluan perniagaan.

"Kursus seperti ini juga dapat menyokong perkembangan industri animasi yang memerlukan tenaga kerja mahir atau separa mahir dalam bidang berkenaan," katanya.

Beliau berkata, bagi kebanyakan peserta bengkel itu OSS dalam animasi masih baru dan ia adalah peluang keemasan untuk mereka meningkatkan kemahiran dalam bidang berkenaan.

Sementara itu, peserta daripada Kemboja, Lonh Thera, 29, berkata pelbagai pengetahuan baru yang diperoleh sepanjang mengikuti bengkel itu dapat membantu meningkatkan kemahirannya.

"Ini satu pengalaman baru kerana bidang OSS dalam pembikinan animasi sukar diperoleh dan pengetahuan yang saya dapat melalui bengkel akan saya kongsi dengan rakan, khususnya di Kementerian Telekomunikasi dan Pos di Kemboja nanti," katanya.

Peserta daripada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Mohd Hisyam Hamzah, 25, berkata beliau beruntung kerana berpeluang mengikuti bengkel yang disediakan secara percuma itu.

"Jika di luar, kos untuk menyertai bengkel seumpama ini pastinya mahal dan saya bertuah kerana terpilih menyertainya," katanya.

Sejak penubuhannya sebagai pusat kecemerlangan Asia Pasifik dalam bidang Pembangunan ICT di luar bandar pada 2007, ITU-UUM memainkan peranan penting sebagai satu platform menarik pakar dan pengamal industri menerusi forum, seminar, mesyuarat dan perbincangan intelektual demi pembangunan ICT luar bandar.



MOHAMED Mustafa (depan dua dari kanan) bergambar bersama peserta dan sekretariat program.